



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**PENGUMPULAN KES-KES PERAKUAN FARAIH  
DI MAHKAMAH SYARIAH (KADHI)  
KEDAH SELATAN  
DAN SUMBER-SUMBER PENGAMBILAN HUKUM**

**OLEH:**

**ABDULILAH BIN MOKHTAR  
G 9410235**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT BAGI MEMPEROLEHI  
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN  
KEHAKIMAN ISLAM**

**KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
SESI 1994/1995**

## SINOPSIS

Kajian ini terdiri daripada lima bab; di dalam bab pertama penulis memaparkan beberapa perkara mengenai bidang kajian, latar belakang kajian, objektif kajian, metodologi kajian dan masalah kajian.

Kemudian di dalam bab kedua penulis menghuraikan tentang pengertian istilah-istilah faraidh, pengertian ilmu faraidh, kepentingan mempelajari ilmu faraidh, dasar-dasar faraidh Islam dan dibentangkan juga tentang sistem pembahagian faraidh Islam.

Di dalam bab ketiga penulis menghuraikan tentang kedudukan Islam dalam perlembagaan Malaysia, pelaksanaan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Malaysia. Bidang kuasa Mahkamah Awam dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka, di samping itu di bentangkan juga bidang kuasa Mahkamah Syariah (Kadhi) negeri Kedah khususnya dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di negeri Kedah mengikut enakmen Mahkamah Syariah negeri.

Di dalam bab keempat penulis menghuraikan ayat-ayat al Quran mengenai faraidh, hadis-hadis mengenai faraidh, pendapat-pendapat sahabat dalam menyelesaikan faraidh dan di bentangkan juga senarai kes-kes perakuan faraidh yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah (Kadhi) serta dikemukakan bersama kaedah-kaedah dan dasar-dasar pengiraan dalam menentukan bahagian-bahagian yang diperolehi oleh waris-waris.

Di dalam bab kelima penulis menyenaraikan permasalahan semasa dalam mentadbir dan menyelesaikan harta pusaka orang Islam baik mengenai sikap waris atau pun mengenai birokrasi pentadbiran disamping itu penulis telah membawa beberapa saranan-saranan yang perlu diambil perhatian bagi memperbaiki sistem pengurusan dan pentadbiran harta pusaka orang Islam demi memantapkan lagi fungsi Mahkamah Syariah.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin Allah S.W.T penulis telah berjaya menyiapkan kertas projek ini sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ), Kulliyah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa.

Dalam usaha menyiapkan kertas projek ini penulis telah di bantu oleh berbagai pihak. Pada kesempatan ini penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia kertas projek ini Yang Berbahagia Dr. Mohd Daud Bakar. Berkat tunjuk ajar dan nasihat beliaulah kertas projek ini dapat disiapkan. Semoga Allah S.W.T sahajalah yang akan membalas segala jasa baik dan sumbangan yang telah diberikan itu.

Ucapan jutaan terima kasih juga di tujukan buat semua pensyarah di Kulliyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa, semoga segala ilmu yang telah dicurahkan akan dapat dimanfaatkan dari masa ke semasa.

Penulis juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi kerana telah memberi peluang

kepada penulis untuk terus menimba ilmu dan pengalaman di  
Universiti Islam Antarabangsa ini.

Iringan doa dan restu dipohonkan kepada Allah S.W.T agar  
dilimpahkan taufik dan rahmatnya buat ayahanda dan bonda  
tercinta. Buat "As" pengorbananmu di sanjung dan sentiasa  
dihargai, serta anakanda Athirah, Abdul Hakim, Abdul Qayyum  
dan Abdul Azim, semoga kejayaan sentiasa bersama kalian serta  
keluarga.

Buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih buat kalian  
semua, marilah kita teruskan perjuangan ini hingga jayanya.  
Akhirnya kepada Allah S.W.T jualah dipohonkan agar memberkati  
segala usaha penulis dan diberikan taufik dan hidayahNya ke  
arah jalan yang diredhai.

Wassalam



Abdulilah B. Mokhtar (G 9410235)  
No 52 Kampung Terat Batu  
09400 Padang Serai  
Kedah Darul Aman.  
19.05.1995

## ISI KANDUNGAN

Bab	Muka surat
Sinopsis	i
Penghargaan	iii
Isi kandungan	v
Senarai statut	vii
Senarai kes	ix
I BAB PERTAMA : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1 - 2
1.2 Bidang Kajian	3 - 3
1.3 Latar Belakang Kajian	4 - 4
1.4 Objektif Kajian	4 - 5
1.5 Metodologi kajian	5 - 6
1.6 Masalah Kajian	6 - 6
II BAB KEDUA : ILMU FARAIDH (ILMU PEMBAHAGIAN PUSAKA)	
2.1 Pengertian Istilah Faraidh	7 - 10
2.2 Pengertian Ilmu Faraidh	10 - 13
2.3 Kepentingan Ilmu Faraidh	14 - 18
2.4 Dasar-dasar Faraidh menurut Islam	19 - 23
2.5 Sistem Pembahagian Harta Pusaka (Faraidh) dalam Islam	23 - 47
III BAB KETIGA : PELAKSANAAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA DI MALAYSIA	
3.1 Islam dalam Perlembagaan	48 - 53
3.2 Pelaksanaan Pentadbiran dan Pembahagian Harta Pusaka Di Malaysia	54 - 58
3.3 Bidang Kuasa Mahkamah Awam dalam Pentadbiran dan Pembahagian Harta Pusaka	58 - 66
3.4 Bidang Kuasa Mahkamah Syariah (kadhi) Negeri Kedah dalam Pentadbiran dan Pembahagian harta pusaka orang Islam	66 - 70

**IV BAB KEEMPAT : PENGUMPULAN KES-KES  
PERAKUAN FARAIDH DI  
MAHKAMAH SYARIAH (KADHI)  
KEDAH SELATAN**

4.1 Ayat-ayat Al Quran Mengenai Faraidh	71 - 76
4.2 Hadis-hadis mengenai faraidh	76 - 79
4.3 Pendapat-pendapat Sahabat dalam Faraidh	79 - 85
4.4 Senarai kes-kes perakuan faraidh di Mahkamah Syariah (kadi) Kedah Selatan	85 - 96
4.5 Dasar-dasar Pengiraan Faraidh	96 - 100

**V BAB KELIMA : PERMASALAHAN SEMASA,  
PENYELESAIAN DAN  
SARANAN-SARANAN**

5.1 Permasalahan Semasa	101 - 104
5.2 Saranan-saranan	104 - 106
5.3 Kesimpulan	106 - 108

**LAMPIRAN  
BIBLIOGRAFI**

## SENARAI STATUT

1. Akta Harta Pusaka Kecil (pembahagian) 1955 (Akta 98) dan Peraturan-Peraturan.
2. Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959 (Akta 97).
3. Perlembagaan Persekutuan 1990
4. Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Kedah bilangan 1/1983
5. Enakmen Aturcara Mal Islam Negeri Kedah 1979.
6. Kanun Tanah Negara 1965.
7. Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah bilangan 1/1983.
8. Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah bilangan II/1984



## SENARAI KES

1. Salleh b. Sudin (bil 177/91 Mahkamah Kadhi Kuala Muda) PTKM (p) 204/91
2. Sabu bin Awang (bil 40/94 Mahkamah Kadhi Kuala Muda) PTKM (p) 51/94.
3. Mohamad Taib bin Lebai Saad (bil 64/93 Mahkamah Kadhi Baling) PTB (p) 64/93.
4. Hamad bin Salleh (bil 81/92 Mahkamah Kadhi Baling) PTB (p) 73/93
5. Haji Saidin bin Husain (bil 4/94 Mahkamah Kadhi Kulim) PTK (p) 15/94.
6. Aishah bt Hussain ( bil 86/93 Mahkamah Kadhi Bandar Baharu) PTBB (p) 55/93.

**BAB I**  
**PENGENALAN**

**1.1 Pengenalan.**

Ilmu pusaka faraidh adalah merupakan satu daripada cabang ilmu pengetahuan yang sangat dititikberatkan oleh syarak. Islam menyuruh penganutnya mengamalkan sistem ini dan memberi ancaman kepada sesiapa yang meringan-ringankan atau meninggalkan sistem ini. Ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w., riwayat Abu Hurairah r.a. yang berbunyi:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:  
تعلموا الفرائض وعلموها إنها نصف العلم.  
وهو ينسى وهو أول الشيء ينزع من أمتي.

Maksudnya : Hendaklah kamu mempelajari ilmu faraidh dan ajarkan kerana ia adalah sebahagian dari ilmu yang dilupai dan ilmu yang pertama akan diambil dari umatku.

---

<sup>1</sup> Al-Shawkani; *Nail al-Autar*: Mustafa al-Halabi, Kaherah 1380H; Jilid 6, m.s. 168.

Di dalam mempraktikkan sistem pusaka Islam ini memerlukan kepada satu badan yang dapat mengeluarkan perakuan faraidh, supaya sistem ini dapat ditadbirkan dan dibahagikan harta pusaka orang Islam mengikut landasan syarak.

Segala harta pusaka kepunyaan si mati akan dihimpun dan dikumpul, setelah ditunaikan segala hak yang bersangkutan dengan harta pusaka seperti hutang, wasiat dan sebagainya baharulah dibahagikan kepada waris-waris yang berhak. Dalam hal ini pula ia memerlukan kepada sebuah badan yang mentadbirkannya dan menguruskannya supaya tidak timbul kekecohan dan ketidakadilan.

Di Malaysia pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam diletakkan di bawah persekutuan, pentadbiran dan pembahagian harta pusaka ditadbirkan berdasarkan kepada Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka Kecil (pembahagian) 1955 Akta (98) dan peraturan-peraturan pembahagian (pindaan 1991) di semua negeri di Malaysia. Manakala pembahagiannya pula berdasarkan kepada sistem pusaka Islam (Faraidh) dan Mahkamah Syariah (Kadhi) di negeri diberi bidang kuasa mengeluarkan perakuan faraidh.

## 1.2 Bidang Kajian.

Bidang kajian yang telah dibuat oleh penulis adalah berkaitan dengan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka, serta pengumpulan kes-kes perakuan faraidh yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah (Kadhi) di Kedah selatan dan sumber-sumber pengambilan hukum mahkamah-mahkamah syariah (kadhi) di Kedah selatan adalah meliputi daerah Kuala Muda; daerah Baling; daerah Kulim; dan daerah Bandar Baru. Dalam kajian ini penulis membentangkan tentang kepentingan ilmu pusaka Islam (faraidh) dasar-dasar pusaka Islam dan sistem pembahagian pusaka Islam.

Penulis juga membuat kajian tentang pelaksanaan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Malaysia serta bidang kuasa mahkamah awam dan mahkamah syariah (kadhi) negeri Kedah dalam urusan harta pusaka orang-orang Islam dan seterusnya dibentangkan mengenai ayat-ayat Al-Quran, hadis-hadis, pendapat-pendapat sahabat, dan sampel-sampel pembahagian serta contoh-contoh mengenai pengiraan pembahagian pusaka.

Penulis juga telah mengemukakan beberapa cadangan dan saranan mengenai perkara-perkara yang perlu diambil perhatian bagi memperbaiki sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Malaysia.

### 1.3 Latarbelakang Kajian

Kajian dibuat adalah berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan, Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959 Akta 97, Akta Harta Pusaka Kecil (pembahagian) 1955 Akta 98 dan peraturan-peraturan pembahagian; Kanun Tanah 1965, Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 1/1983, Enakmen Aturcara Mal Negeri Kedah 1979, Undang-undang Pusaka Islam terutamanya Surah An-Nisaa ayat 5, 7, 11, 12, dan 176 dan Surat Al-Baqarah ayat 282.

Kajian juga melibatkan mahkamah syariah (kadhi) di Kedah Selatan, iaitu Mahkamah Kadhi Kuala Muda, Mahkamah Kadhi Baling, Mahkamah Kadhi Kulim, dan Mahkamah Kadhi Bandar Baru serta pengumpulan kes-kes perakuan faraidh yang dikeluarkan.

### 1.4 Objektif Kajian

Terdapat empat objektif kepada kajian:

- i. Untuk mengetahui sistem perundangan pusaka Islam dan undang-undang pentadbiran harta pusaka orang Islam yang digunakan di Malaysia khususnya di negeri Kedah Darulaman.
- ii. Untuk mengetahui bidang kuasa kadhi/mahkamah syariah dalam mengeluarkan perakuan faraidh bagi

- menyelesaikan harta pusaka orang Islam di Kedah.
- iii. Untuk mengetahui prosedur-prosedur pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Kedah.
  - iv. Untuk mengetahui permasalahan pihak pentadbir di dalam menyelesaikan pembahagian harta pusaka.

### 1.5 Metodologi Kajian

Penulis telah menggunakan metod yang dirasakan sesuai bagi menjayakan kajian ini, iaitu metod kajian perpustakaan dan metod kajian luar.

#### i. Kajian Perpustakaan

Penulis telah membuat kajian di perpustakaan untuk mencari maklumat dan bahan-bahan yang diperlukan dalam penulisan kajian. Bahan-bahan dan maklumat yang berkaitan dari segi hukum syarak dan undang-undang dikumpulkan dan diambil istinbat hukum-hukum.

Untuk itu penulis merujuk kepada kitab-kitab klasik Fekah Islam, buku-buku semasa, Peruntukan Enakmen Mahkamah Syariah Bil. 1 - 1983 dan Aturcara Mal Islam Kedah serta undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran dan pembahagian pusaka.

## ii. Kajian Luar

Kajian luar dijalankan di mahkamah syariah (kadhi) Kedah selatan meliputi Mahkamah Kadhi Daerah Kuala Muda, Mahkamah Kadhi Daerah Baling, Mahkamah Kadhi Daerah Kulim dan Mahkamah Kadhi Daerah Bandar Baru serta temuramah dengan kadhi yang terlibat di daerah berkenaan. Wawancara ini adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat di dalam proses untuk mendapatkan perakuan faraidh.

### 1.6 Masalah Kajian

Dalam menyiapkan kertas projek ini, penulis menghadapi beberapa masalah, terutamanya dalam mencari bahan-bahan yang ternyata berkurangan. Kebanyakan buku-buku yang wujud hanyalah berbentuk buku sistem (faraidh) secara khusus yang tidak membincangkan pentadbiran dan pengurusan harta pusaka orang Islam yang dijalankan oleh mahkamah di Malaysia amnya dan negeri Kedah khususnya. Masalah sampingan ialah sukar untuk mendapatkan kes-kes yang rumit semasa penulisan ini kerana pihak pentadbiran harta pusaka dan mahkamah syariah (kadhi) tidak mengasingkan atau memberi kod rujukan khas bagi kes-kes yang rumit berbanding dengan kes-kes senang, di samping itu kesulitan juga timbul dalam mengesan fail-fail kes kerana terdapatnya timbunan fail-fail yang banyak.

## BAB II

### ILMU FARAI DH (ILMU PEMBAHAGIAN PUSAKA)

#### 2.1 Pengertian Faraidh

Perkataan pusaka di dalam bahasa Arab di sebut dengan الميراث dan ada kalanya digunakan sebagai اسم المفعول .

- i. الميراث "al-Mirath" dengan kegunaan sebagai "al-Masdar" ini, pada asalnya ada mempunyai dua makna, iaitu pertama "al-Baqā" (berkekalan), kedua al-Waris" sebagai nama Allah yang bererti al-Baqā (berkekalan), iaitu berkekalan setelah musnah segala makhluknya. Ini jelas daripada sabda Rasulullah s.a.w.

اللهم متعني بسمعي وبصري واجعلهما  
الوارث مني

Maksudnya: Ya Allah berikanlah saya menikmati dengan pendengaran dan pandangan saya dan jadikanlah kedua-dua ini yang kekal dari saya, iaitu dengan selamat sehingga saya mati<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> Abdul Kadir Ismail. *Sistem Pusaka Islam*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YDIM) 1983, m.s 62.



- ii. Perpindahan sesuatu perkara dari sesuatu golongan kepada golongan yang lain di mana perpindahan ini ada kalanya secara yang benar (*hakiki*) seperti perpindahan harta benda, dan ada kalanya secara "*maknawi*" seperti perpindahan ilmu pengetahuan. Di antaranya seperti apa yang di dalam sabda Rasulullah s.a.w.<sup>3</sup>

### العلماء ورثة الأنبياء

Maksudnya: Alim ulama' adalah pewaris nabi-nabi.

Perpindahan secara *hakiki* itu pula ialah seperti perpindahan harta pusaka daripada si mati kepada anak kandungnya.

Di antaranya dinamakan harta si mati sebagai "*al-Mirath*" atau "*al-Irsh*" ialah kerana harta ini berpindah melalui keturunan (*nasab*) atau sebab seperti membebaskan hamba kerana tuan yang membebaskan hamba itu juga boleh menjadi waris dalam keadaan yang tertentu. Sekiranya digunakan "*al-Mirath*" itu sebagai اسم المنقول Maka *al-Mirath* ini adalah sama maknanya dengan الترات yang bermakna الارث (asal dan apa yang ditinggalkan). Di antara penggunaannya dalam bahasa ialah apa yang tersebut dalam hadis muslim di mana Rasulullah s.a.w.

<sup>3</sup> Ibid

bersabda.<sup>4</sup>

اثبتوا على مشاعركم فإنكم على إرث  
أبيكم إبراهيم

Maksudnya : Tetaplah di atas syiar-syiar kamu kerana kamu adalah berada di atas peninggalan bapa kamu Ibrahim.

Dan ada kalanya perkataan **الارث** itu dimaksudkan dengan peninggalan. Oleh itu harta si mati dinamakan **الارث** kerana ia merupakan harta peninggalan daripada orang terdahulu kepada orang yang terkemudian.

Pusaka (*al-Mirath*) dari segi syarak ialah suatu hak yang boleh dibahagikan dan sabit kepada yang berhak setelah yang berhak dahulu itu mati kerana ada hubungan darah, perkahwinan, pembebasan hamba atau perjanjian. Bahagian yang ditetapkan (ditentukan) pada syarak bagi orang yang berhak menerimanya atau bahagian yang ditetapkan atau ditentukan bagi ahli waris.<sup>5</sup>

Huraian:

Maksud "hak" di sini ialah semua jenis-jenis hak yang merangkumi harta benda dan selainnya seperti hak Qisas dan

<sup>4</sup> Ibid

<sup>5</sup> Ibid

shufaat. Maksud "boleh dibahagikan" ialah sesuai untuk ditetapkan kepada waris kadar yang tertentu umpama  $1/2$  bahagian untuk setengah-setengah waris,  $1/4$  untuk setengah-setengah waris yang lain dan begitulah seterusnya.

• Dengan menyebut "boleh dibahagi" adalah terkeluar daripada hak yang tidak boleh dibahagi, seperti hak menjadi wali dalam perkahwinan. Hak ini meskipun telah berpindah dari bapa kepada saudara-saudara umpamanya tetapi hak-hak ini tidak boleh menerima pembahagian, malahan tiap-tiap seorang saudara itu mempunyai hak menjadi wali dengan sepenuhnya. Sabit kepada yang berhak setelah yang berhak dahulu itu mati. Maksudnya ialah untuk mengeluarkan hak yang sabit kepada yang berhak di masa yang mempunyai hak itu masih hidup, seperti hak yang sabit dengan cara hebah jual-beli dan sebagainya.

Ungkapan "kiranya ada hubungan Qarabah" disebut ini ialah untuk mengeluarkan wasiat, kerana wasiat itu ada sabit kepada yang berhak setelah mati yang berhak tetapi bukanlah kerana keturunan. Pusaka boleh juga diertikan dengan sesuatu nama bagi apa yang waris itu berhak dari pewarisnya.

## 2.2 Pengertian Ilmu Faraidh (Ilmu Pembahagian Pusaka)

Terdapat beberapa pengertian berhubung ilmu faraidh, antaranya:

- i. Sesuatu ilmu dengannya dapat diketahui orang yang menerima pusaka dan orang yang tidak dapat menerima pusaka dan kadar yang patut diterima oleh waris-waris dan cara pembahagiannya.

علم يعرف به من يرث ومن لا يرث ومقدار كل وارث وكيفية التوزيع .

6

- ii. Penjelasan secara terperinci mengenai siapa yang patut menerima pusaka dan kadar habuan setiap yang patut menerima pusaka.

إنما هو في تفصيل من يرث ومن لا يرث ومقدار نصيب كل وارث

7

- iii. Beberapa kaedah yang diambil daripada ilmu Fiqah dan ilmu hisab untuk mengetahui mengenai penentuan habuan (bahagian) orang yang mempunyai hak terhadap harta yang ditinggalkan oleh si mati dan bahagian masing-masing waris dari ahli waris itu.

Hj. Said Hj. Ibrahim: *Sistem Pembahagian Pusaka Dalam Islam*, Terbitan BAHEIS JPM, 1991, m.s 1.

Mohamad Mustafa Shalabi: *Ahkam al-Mawarith Bayn al-Fiqh Wa al-Qanun*, Maktab al-Misri al-Hadith, 1967, m.s 9.

قواعد في الفقه والحساب يعرف بها ما  
يختص كل ذي حق في التركة ونصيب  
كل وارث منها .

Ulama' Fiqah mentakrifkan dengan sesuatu kaedah fiqah dan hisab yang mana dengan kaedah ini dapatlah diketahui hak tiap-tiap waris daripada harta peninggalan si mati.

Ilmu pusaka dikenali dengan **علم الفرائض** kerana  
**الفرائض** adalah jamak kepada **الفريضة** iaitu  
perkataan terbitan **الفرض** yang bererti **التقدير**  
penentuan kadar.

Firman Allah S.W.T.<sup>9</sup>

وَقَدْ فَرَضْتُمْ لَهُنَّ فَرِيضَةً مِمَّا فَرَضْتُمْ

Maksudnya: Sesungguhnya kamu telah menentukan suatu kadar mas kahwin untuk mereka (perempuan-perempuan yang telah diceraikan sebelum bersetubuh) maka bagi mereka setengah daripada apa yang telah kamu tentukan kadarnya.

Dan juga bermakna al-Tabyin **التبين**

<sup>8</sup> Hj Said Hj. Ibrahim, op.cit., m.s 2.

<sup>9</sup> Al Quran : Surah Al Baqarah ayat 237.

Firman Allah S.W.T.<sup>10</sup>

قَدْ فَرَضَ اللَّهُ لَكُمْ تَحْلَةَ أَيْمَانِكُمْ

Maksudnya: Dan sesungguhnya Allah telah menetapkan bagi kamu waris nabi dan umatmu untuk melepaskan diri dari sumpah kamu dengan membayar denda kaffarah.

Firman Allah S.W.T.<sup>11</sup>

إِنَّ الَّذِي فَرَضَ عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لَرَادُّكَ إِلَىٰ مَعَادٍ

Maksudnya: Bahawasanya Allah S.W.T. yang telah menurunkan al-Quran ke atas engkau ia tetap mengembalikan engkau kepada tempat kembalinya.

Dan ada kalanya bermakna **احلال** (menghalalkan)

Firman Allah S.W.T.<sup>12</sup>

مَا كَانَ عَلَى النَّبِيِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ اللَّهُ لَهُ

Maksudnya: Tidak ada sebarang keberatan ke atas nabi dalam melaksanakan perkara yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. baginya.

<sup>10</sup> Al Quran : Surah Al Tahrim ayat (2).

<sup>11</sup> Al Quran : Surah Al Qasaa ayat 85.

<sup>12</sup> Al Quran : Surah Al Ahzab ayat 38.

### 2.3 Kepentingan Ilmu Faraidh (Ilmu Pembahagian Waris)

Ilmu faraidh adalah salah satu daripada cabang ilmu Fiqah yang sangat diambil berat oleh Islam dan dipandang sangat tinggi nilainya. Oleh itu Islam di samping menyuruh umatnya supaya mempertingkatkan sistem pusaka Islam dengan betul dan memberi amaran keras kepada sesiapa yang cuba meringan-lingen atau meninggalkan sistem Ilahi ini. Ia menyuruh kita mempelajari dan mengajarnya.

(a) Di antara dalilnya.

- i. Dari Abi Hurairah r.a. ia berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda <sup>13</sup>

تعلموا الفرائض وعلموها إنها نصف العلم  
وهو ينسى وهو أول الشيء ينزع من أمتي .

Maksudnya: Hendaklah kamu mempelajari ilmu faraidh dan ajar kepada orang lain kerana ia adalah setengah ilmu, ia adalah perkara pertama yang akan dilupakan dan ia adalah sesuatu yang mula-mula dicabutkan daripada umatku.

Ilmu faraidh dianggap sebagai setengah ilmu ialah kerana ilmu ini adalah berkaitan dengan salah satu dari hal keadaan manusia, iaitu keadaan di masa matinya dan yang lain adalah berkaitan dengan masa hidupnya.

<sup>13</sup> Mohamad Mustafa Shalabi: *Ahkam al-Mawarith Bayn al-Fiqh Wa al-Qanun*, Maktab al-Misri al-Hadith, 1967, m.s 19.

Walau bagaimanapun hadis ini adalah mengarah kita mempelajari dan mengajar ilmu faraidh dan menggalakkan kita supaya memeliharanya supaya tidak terlupa.

ii. Daripada Abdullah bin Amru bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

العالم ثلاثة وما سوى ذلك فضل آية  
محكمة أو سنة قائمة أو فريضة عادلة

Maksudnya: Ilmu adalah tiga macam dan yang lainnya adalah lebihan, iaitu ayat-ayat muhkamah atau sunnah yang sohih atau faraidh (pembahagian pusaka) yang adil.

iii. Al Hakim meriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

تعلموا القرآن وعلموه الناس وتعلموا الفرائض  
وعلموه الناس، فإن امرؤ مقبوض، وإن العلم  
سيقبض وتظهر الفتن حتى يختلف الأثنان  
في الفريضة لا يجدان من يقضى بها.

15

14 Imam Abu Abdillah Muhammad Al Naisaburi Al Maruf Bil Hakim, *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihaini Fi al-Hadith*, Maktab Nashr Hadithah, Al-Riyad, Saudi Arabia, Jld. 4, m.s. 332.

15 Ibid m.s 433.